



## MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI (MBIP)

### AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)

#### PEMBERITAHUAN

#### PEMERIKSAAN AWAM KE ATAS

### DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH JOHOR BAHRU DAN KULAI 2025 (Penggantian) (PENGUBAHAN 2)

#### Pindaan Sebahagian Zon Guna Tanah Bagi BPK 2.5 Dalam Peta Cadangan dan Kelas Penggunaan Tanah MBIP

Menurut Seksyen 13(2) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), dengan ini diberitahu bahawa cadangan Pengubahan Rancangan Tempatan tersebut di atas tersedia untuk diperiksa pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

Tarikh	Masa	Tempat
01 Januari 2020 hingga 04 Februari 2020	9.00 pagi hingga 4.30 petang (Ahad – Rabu)	1. Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, 81300, Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim
	9.00 pagi hingga 3.00 petang (Khamis)	2. PLAN Malaysia Negeri Johor (Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Johor) Tingkat 1 & 2, Bangunan Dato' Mohamad Salleh Perang, 79646, Kota Iskandar, Iskandar Puteri, Johor
	<b>Tutup pada Jumaat, Sabtu dan Cuti Umum</b>	

#### Orang awam adalah dijemput untuk memeriksa Draf Rancangan Tempatan Tersebut

Pengubahan kepada Draf Rancangan Tempatan ini meliputi :

- Penambahan Jenis Guna Tanah Utama daripada perniagaan, perumahan, infrastruktur dan utiliti dan badan air kepada institusi, kemudahan awam, kemudahan rekreasi, pengangkutan dan perhubungan
- Penambahan kelas pengguna tanah ke dalam BPK 2.5
- Perubahan nisbah plot ke dalam BPK 2.5
- Perubahan dan penambahan densiti ke dalam BPK 2.5
- Sempadan kawasan perancangan khas yang tertakluk kepada keputusan Pelan Induk Bil. 03/2019 yang bersidang pada 03 September 2019

Maklumbalas dan representasi boleh dibuat melalui Borang Maklum Balas dan diserahkan sebelum atau pada jam 5.00 petang, 04 Februari 2020. Borang boleh diperolehi di Pejabat Majlis Bandaraya Iskandar Puteri atau melalui Portal Majlis Bandaraya Iskandar Puteri : <http://www.mbip.gov.my/>

Semua Borang Maklumbalas boleh dialamatkan kepada : -

#### Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri,  
81300, Johor Bahru,  
Johor Darul Ta'zim

Emel : [perancang@mbip.gov.my](mailto:perancang@mbip.gov.my)

Faks : 07-5568007